



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS DALAM BAHASA MELAYU DARI
SUDUT SOSIOLINGUISTIK**

HISAMUDDIN BIN ABDUL GHANI

FBMK 2018 81



**KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS DALAM BAHASA MELAYU DARI
SUDUT SOSIOLINGUISTIK**

Oleh

HISAMUDDIN BIN ABDUL GHANI

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya senilain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Sesungguhnya ilmu dikurniakan kepada kita oleh Allah SWT di dunia ini amat luas ibarat air lautan yang tidak bertepi. Apa yang ada pada kita mungkin hanya setitis dua sahaja. Bermakna, proses pembelajaran tidak pernah ada noktah dan berakhir.

Maka dengan penuh tawaduk, saya dedikasikan penyelidikan ini kepada pencinta-pencinta ilmu bahasa, tokoh bahasa, pejuang bahasa dan rakyat Malaysia, yang sentiasa berlapang dada dan bersikap terbuka, setiap kali membacanya tanpa dipengaruhi oleh emosi, sentimen, latar belakang politik dan warna kulit. Segala yang baik datang daripada Allah SWT, manakala jika ada kelemahan dan kekurangan, itu adalah datang daripada diri saya sendiri, dengan izin dan kehendak-Nya jua.

Saya abadikan khas untuk isteriku, Hamizah binti Abd Manaf @ Abd Kasim. Buat putera-puteriku, Muhammad Aiman Izzuddin, Nur Aisyah Muizzah, Muhammad Aizat Izzuddin, Muhammad Aisar Izzuddin, Muhammad Aimi Izzuddin, dan Nur Aileen Muizzah. Putera-puteriku semua mampu untuk melakukan lebih baik daripada apa yang telah babamu lakukan setakat ini.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS DALAM BAHASA MELAYU DARI
SUDUT SOSIOLINGUISTIK**

Oleh

HISAMUDDIN BIN ABDUL GHANI

November 2018

Pengerusi : Hasnah binti Mohamad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memfokuskan kepada kata pinjaman Inggeris dalam bahasa Melayu. Perbincangan melibatkan aspek penerimaan dan sikap bahasa pelajar terhadap penyerapan kata pinjaman Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. Idea tentang kajian ini teretus memandangkan tindakan sebilangan masyarakat Malaysia yang gemar menyerap kata asing sewenang-wenangnya dan telah memberi pelbagai tanggapan kurang baik terhadap martabat bahasa Melayu. Selain itu, luntarnya penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar disebabkan penyerapan kata pinjaman Inggeris dan juga pembentukan kosa kata baharu sebagai hasil ciptaan pengguna bahasa yang kreatif. Hasil penulisan dan kajian tentang aspek kata pinjaman Inggeris masih kurang. Setakat ini hanya ada beberapa kajian yang mengkaji penggunaan kata pinjaman Inggeris dalam akhbar dan dalam kalangan remaja. Oleh itu, ini memberi ruang untuk sebuah kajian dilaksanakan untuk mengaitkan aspek kata pinjaman dengan penerimaan dan sikap bahasa dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis tahap penerimaan pelajar terhadap sebuatan baku bagi kata pinjaman Inggeris. Objektif seterusnya adalah untuk menganalisis tahap penerimaan pelajar terhadap kosa kata pinjaman Inggeris. Manakala objektif terakhir adalah untuk menghubungkan tahap penerimaan pelajar terhadap kosa kata pinjaman Inggeris dengan faktor sikap bahasa berdasarkan Teori Sikap Bahasa Fishman dan Agheyis (1970). Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif berbentuk kualitatif dengan teknik pengutipan data secara temu bual terbuka, pemerhatian turut serta dan analisis dokumen.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap sebutan baku bagi kata pinjaman Inggeris adalah pada tahap rendah. Dari segi penerimaan pelajar, menunjukkan tahap penerimaan cemerlang terhadap kata pinjaman Inggeris dalam bahasa Melayu. Akhirnya dapatan kajian telah dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih dan menggunakan kata pinjaman Inggeris berbanding kosa kata Melayu sedia ada berdasarkan mandala kognitif, afektif dan konatif. Hasil kajian ini dapat digunakan untuk menjelaskan persepsi masyarakat bagi membantu proses pembangunan bahasa Melayu di Malaysia.

Kata kunci: Kata pinjaman, sikap bahasa, kognitif, afektif, konatif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia as
fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**ENGLISH LOAN WORDS IN MALAY LANGUAGE FROM
SOCIOLINGUISTIC PERSPECTIVE**

By

HISAMUDDIN BIN ABDUL GHANI

November 2018

Chairman : Hasnah binti Mohamad, PhD
Faculty : Modern Language dan Communication

This study focuses on English loan words in English. Discussion involves acceptance and attitude of students to language immersion English loan words into English. Ideas about the study broke out as the action a number of Malaysians who are fond of absorbing foreign words are arbitrary and have given various poor impression to the dignity of the Malay language. In addition, the lack of use of Malay language among students due to the absorption of English loan words and also the formation of new vocabulary as a result of creative language user's creation. Writing and research on aspects of English loan words still less. So far there are only a few studies that examine the use of English loan words in the press and among teenagers. Therefore, this gives space to a study carried out to link aspects of loan words with acceptance and attitudes in language among students at the Institute for Teacher Education. In particular, the objective of this study was to analyze the level of acceptance of students of standard pronunciation for English loan words. The next objective was to analyse the level of acceptance of students of English loan vocabulary. While objective on is to correlate the level of acceptance of students of English with a vocabulary of lending attitude factors based on language Attitudes Language Theory and Fishman Agheyis (1970). This study uses descriptive qualitative approach to data collection techniques interviews open,

participating observation and analysis of documents. The findings show that the acceptance of students of standard pronunciation for English loan words are at a low level. In terms of reception of students, showing excellent level of acceptance of English loan words. The end result of the study was able to identify the factors that motivate students to choose and use the English loan words compared to existing Malay vocabulary based on the areas of cognitive, affective and conative. The results of this study can be used to explain the perception of society in order to assist the process of the development of the Malay language in Malaysia.

Keyword: Loan word, language attitude, cognitive, affective and conative.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya telah membolehkan saya menyiapkan tesis ini dalam jangka masa yang ditetapkan.

Alhamdulillah dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Dr. Hasnah binti Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini yang tidak jemu-jemu menyelia dan menegur kesilapan dalam proses menyiapkan tesis ini. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Norazlina binti Hj. Mohd Kiram dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah ahli-ahli dalam Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini yang banyak menegur dan membetulkan kesilapan tesis ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, dan Pegawai Pendidikan Daerah Seremban yang telah memberi kerjasama dan membenarkan saya menjalankan kajian ini yang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah terbabit.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya hulurkan kepada rakan-rakan seperjuangan, rakan-rakan sejawatan, anak-anak didik PISMP dan semua pihak yang membantu dan kerjasama yang diberikan secara langsung dan tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pustakawan Pepustakaan Sultan Abdul Aziz UPM yang telah membantu saya dalam proses mendapatkan bahan kajian.

Seterusnya ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada seluruh ahli keluarga saya khususnya isteri dan anak-anak yang sentiasa mendorong dan memberi perangsang agar saya berjaya. Sesungguhnya jasa kalian hanya Allah yang dapat membalasnya.

Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Hisamuddin bin Abdul Ghani telah mengadakan peperiksaan akhir pada 9 November 2018 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Kata pinjaman Inggeris Dalam Bahasa Melayu Dari Sudut Sociolinguistik" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut.

Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Mohd Zariat bin Adul Rani, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia.
(Pengerusi)

Adi Yasran bin Abdul Aziz, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam).

Ahmad Mahmood bin Musanif, Phd

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia.
(Pemeriksa Dalam)

Puteri Roslina binti Abdul Wahid, Phd

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Kebangsaan Malaysia.
(Pemeriksa Luar)

Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini terdiri daripada:

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia.
(Pengerusi)

Nor Azlina binti Haji Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Hisamuddin bin Abdul Ghani GS37077

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Hasnah binti Mohamad, Phd

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Nor Azlina binti Haji Mohd Kiram, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xx
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Batasan Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	13
1.8.1 Kata pinjaman Inggeris	14
1.8.2 Bahasa Melayu	15
1.8.3 Sebutan Baku Bahasa Melayu	15
1.8.4 Sociolinguistik	16
1.9 Rumusan	17
2	
SOROTAN KAJIAN	18
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Rumusan Kajian Lepas	18
2.2.1 Penerimaan Kosa Kata Pinjaman Umum	18
2.2.2 Pengaruh Kata Pinjaman dalam Bahasa Melayu	24
2.2.3 Analisis Pengaruh Kata Pinjaman dalam Bahasa	34
2.2.4 Perkaitan antara Kajian Lanjutan dengan Sorotan	38
Kajian Lepas	
2.4 Rumusan	42

3	METODOLOGI KAJIAN	43
	3.1 Pengenalan	43
	3.2 Reka Bentuk Kajian	43
	3.2.1 Kaedah Kajian	43
	3.2.2 Tempat Kajian	49
	3.2.3 Populasi dan Persampelan	50
	3.2.4 Profil Peserta Kajian	51
	3.2.5 Penganalisan Data Kajian	52
	3.2.6 Kerangka Konsepsi	53
	3.2.7 Kerangka Teoretikal	54
	3.3 Kajian Rintis	59
	3.3.1 Pengenalan	60
	3.3.2 Metodologi Kajian Rintis	60
	3.3.3 Kesimpulan Kajian Rintis	62
	3.4. Rumusan	62
4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	63
	4.1 Pengenalan	63
	4.2 Mengenal Pasti Penerimaan	64
	Kata pinjaman Inggeris Dalam Bahasa Melayu.	
	4.3 Persepsi Terhadap Kata pinjaman Inggeris	79
	Dalam BM	
	4.4 Faktor-Faktor Pemilihan Kata pinjaman Inggeris	88
	4.5 Kesimpulan	113
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	115
	5.1 Pengenalan	115
	5.2 Rumusan Kajian	115
	5.2.1 Penjiwaan Bahasa Melayu	115
	5.2.2 Pemakaian dan Keutamaan Bahasa Melayu	125
	5.2.3 Faktor-faktor yang Mempengaruhi	134
	Mempengaruhi Kemasukan KPI Dalam Bahasa	
	Melayu	
	5.3 Implikasi Kajian	132
	5.4 Cadangan Kajian Seterusnya	134

BIBLIOGRAFI	136
LAMPIRAN	145
BIODATA PELAJAR	185
SENARAI PENERBITAN	185



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.2.4	Responden Mengikut Jantina	50
3.2.5	Profil Bangsa Responden	51
4.2	Interpretasi Skor Markah KPI	63
4.2.1.1	Vokal 'a'	66
4.2.1.2	Vokal 'i'	67
4.2.1.3	Vokal 'u'	68
4.2.1.4	Vokal 'e'	68
4.2.1.5	Vokal 'o'	69
4.2.1.6	Konsonan 'g'	69
4.2.1.7	Konsonan 's'	70
4.2.1.8	Gugus Konsonan	70
4.2.2.1	KPI Suspek	71
4.2.2.2	KPI Teknologi	122
4.2.2.3	KPI Fokus	123
4.2.2.4	KPI Produk	123
4.2.2.5	KPI Bank	120
4.2.2.6	KPI Sekular	125
4.2.2.7	KPI Kafe	126
4.2.2.8	KPI Komposer	127
4.2.2.9	KPI Logik	128
4.3	Interpretasi Skor Markah Pemilihan KPI	135
4.3.3	Senarai KPI Berdasarkan Buku Jawapan	137
4.3.4	Menggantikan KPI dengan kosa kata Melayu asli	138
4.4.2.1	Perbandingan KPI dengan KKMA	164
4.4.2.4	Perbandingan Panjang Kata	169

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.2	Komponen Sikap Bahasa	53
4.1	Proses Triangulasi Data	42
4.2	Carta Sebutan Kata	65
4.3	Carta Pemilihan Kata	133
4.4	Dapatan Melalui Perisian Atlas.Ti – Faktor Mempengaruhi KPI Dalam BM	88
4.5	Tema Faktor Mempengaruhi KPI Dalam BM	90
5.2.1	Gejala Sebutan Asing Dalam BM	114
5.2.2	Fenomena Kebahasaan	116
5.2.3	Persepsi Responden	119
5.2.4	Penilaian UPK	121

SENARAI SINGKATAN

KPI	Kata pinjaman Inggeris
KKMB	Kosa Kata Melayu Baku
BM	Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPGKRM	Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
TSB	Teori Sikap Bahasa
JERI	Jasmani Emosi Rohani Intelek
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPK	Ujian Pemilihan Kata
USK	Ujian Sebutan Kata
UA	Universiti Awam
KIMD	Kamus Inggeris-Melayu Dewan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Untuk berfungsi sebagai bahasa ilmu dan bahasa budaya tinggi, bahasa Melayu mesti memiliki sejumlah perbendaharaan kata yang mencukupi bagi membolehkannya mengungkapkan perkara-perkara baharu yang lebih kompleks dan rencam sama ada bersifat konkrit mahupun abstrak. Menurut Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, dan Harishon Radzi (2011), pemerksaan dan perkembangan perbendaharaan kata dengan cara begini penting bagi membolehkan bahasa itu bergerak maju seiring dengan kemajuan yang dilalui oleh masyarakat penuturnya.

Dari sudut perkembangan bahasa pula, penambahan perbendaharaan kata lazimnya boleh dihasilkan melalui dua cara. Pertama, masyarakat sesebuah bahasa itu mencipta perbendaharaan kata mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan kecekapan para penutur tentang bahasa mereka. Seterusnya, penambahan perbendaharaan kata boleh dilakukan melalui proses penyerapan kata pinjaman Inggeris (KPI). Proses penyerapan terjadi apabila berlakunya pertembungan antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014; Operstein, 2015). Penyerapan perbendaharaan KPI lazimnya didorong oleh keperluan untuk memberikan nama kepada benda-benda dan konsep-konsep baharu (Simpson, 2011).

Zaman telah berubah dengan begitu pantas pada era moden ini dan turut membawa perubahan kepada sesebuah bahasa (Genevieve Escure, 1984; Seddik, 2012; Wolfram, 2006). Perubahan juga berlaku terhadap bahasa Melayu selepas wujudnya sikap kecenderungan menggunakan KPI yang diserap ke dalam bahasa Melayu dan tanpa disedari kata-kata Melayu baku sedikit demi sedikit luput daripada ingatan dan tidak lagi menjadi pilihan para pengguna bahasa Melayu itu sendiri untuk digunakan dalam ruang lingkup kehidupan seharian mereka. Persepsi bahasa yang sedemikian telah mempengaruhi tingkah laku dalam komunikasi manusia dan juga menentukan keberkesanan setiap maklumat yang hendak disampaikan (Abdullah Hassan & Aimon Mohd., 2001; Cooper & Fishman, 1974).

Menurut Fishman (1972), setiap individu akan memilih satu bentuk bahasa tertentu semasa individu tersebut berhubungan dengan individu lain atau dengan kelompok-kelompok tertentu. Kenyataan ini ternyata disokong oleh Holmes (2001), yang menyatakan bahawa setiap bentuk bahasa yang menjadi pilihan lazimnya dipengaruhi oleh faktor sosial, iaitu siapa pendengar, konteks sosial, fungsi, dan juga pokok perbincangan (Mohammed Azlan Mis, 2011). Oleh itu, persepsi golongan pelajar dalam konteks kajian ini akan menjelaskan perihal bentuk penerimaan mereka terhadap KPI dalam bahasa Melayu sama ada berbentuk positif, negatif mahupun neutral.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam bidang sosiolinguistik, persepsi terhadap bahasa telah menentukan pemilihan bentuk bahasa yang digunakan oleh sesebuah masyarakat dalam kehidupan seharian mereka (Gawinkowska, Paradowski, & Bilewicz, 2013). Hal ini turut berlaku dalam kalangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di institut pendidikan guru (IPG). Golongan pelajar bebas memilih untuk

menentukan bentuk bahasa yang ingin digunakan sama ada semasa berada di dalam bilik kuliah mahupun semasa berada di luar waktu kuliah. Keadaan ini berdasarkan kepercayaan normatif (*normative belief*) oleh Hayes (2010), iaitu kepercayaan yang melibatkan “apa yang dirasakan sepatutnya berlaku” dan “apa yang sebenarnya berlaku”. Kepercayaan normatif ini menurut Chee & Ghazali (2014) dari sudut sosiolinguistik merujuk kepada istilah sikap bahasa. Oleh itu, sikap para pelajar yang memilih untuk menggunakan KPI ini lazimnya dipengaruhi oleh latar belakang yang berbeza dengan tujuan-tujuan yang tertentu (Lateh, Jaafar, Mis, & Awal, 2013).

Sebahagian KPI ini adalah dalam bentuk istilah yang telah mendapat persetujuan daripada jawatankuasa tertinggi bahasa Melayu yang dianggotai oleh tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang ilmu di bawah naungan pihak DBP (DBP). Sementara itu, sebahagian lagi merupakan KPI yang wujud dalam bentuk kata umum secara arbitrari tanpa izin daripada pihak DBP, namun digunakan secara meluas dalam masyarakat sama ada dalam konteks pertuturan mahupun penulisan. Sebagai tujuan penyelarasan dan panduan, Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Bahagian Peristilahan, Jabatan Bahasa, DBP telah menerbitkan buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia* (1975). Buku ini ialah rumusan yang dibuat oleh Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) mengenai pembentukan istilah bahasa Melayu yang disetujui bersama oleh kerajaan Malaysia dan pemerintah Republik Indonesia berikutan pengisytiharan pemakaiannya oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada masa itu dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia serentak mulai 30 Ogos 1975.

Fenomena KPI merupakan gejala yang telah lama melanda bahasa Melayu sejak sebelum negara Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Keadaan menjadi semakin meluas selepas negara mempunyai tampuk pemerintahan sendiri dan

KPI ini terus mendominasi bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seiring dengan kemajuan sains dan teknologi di dunia pada masa ini (Hartley & Kim, 2000). Dalam sesebuah bahasa terdapatnya jurang yang perlu diisi untuk tujuan pengembangan ilmu (Rebuck, 2002; Tawalbeh, 2013). Keberadaan KPI dalam bahasa Melayu yang bermatlamat untuk menutup jurang pada peringkat awalnya telah tersasar lantaran kecenderungan masyarakat moden pada masa ini yang gemar memelayukan kosa kata bahasa Inggeris untuk tujuan peribadi. Dari sudut ilmu dan pengembangan bahasa, KPI ini tidak menunjukkan suatu keperluan yang mendesak kerana bahasa Melayu tetap moden walaupun tanpa KPI. Keghairahan terhadap KPI ini yang bertujuan untuk kelihatan lebih moden telah mewujudkan percampuran antara bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris (Nordin, Ariffin, Bahari, & Zukhi, 2014).

Namun begitu, sikap masyarakat yang suka mempopularkan sesuatu kata asing menyebabkan lama-kelamaan sesuatu kata asing itu menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu dan akhirnya masyarakat semakin melupakan padanan yang telah lama wujud dalam bahasa Melayu itu sendiri. Kosa kata Melayu baku semakin dipinggirkan dan tidak digunakan lagi sama ada dalam konteks perbualan mahupun penulisan (Noorul Khairien & Hasnah, 2013). Sikap terlalu mengagung-agungkan bahasa asing ini bukan hanya melanda golongan kurang berpendidikan, malahan turut melanda kumpulan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPG.

Walau bagaimanapun, sekiranya ditelusuri dan diteliti, sebenarnya masih terdapat permasalahan-permasalahan yang belum selesai sepenuhnya. Salah satu permasalahan yang dimaksudkan adalah seperti isu bahasa rojak dalam masyarakat. Masyarakat lazimnya cenderung untuk menuding jari ke arah golongan guru bahasa Melayu disebabkan oleh kegagalan mereka melaksanakan tanggungjawab mengajarkan bahasa Melayu dengan baik

kepada murid-murid. Guru bahasa Melayu dikatakan gagal menjadi model ikutan kepada murid-murid dalam konteks amalan berbahasa, malahan guru bahasa Melayu juga dikatakan gemar menggunakan KPI dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan KPI tanpa kawalan sebegini merupakan gejala negatif yang akan menjerumuskan murid-murid ke arah amalan bahasa rojak kelak (Roslan Ali, 2015).

Terdapat hubungan yang jelas antara sikap para pelajar dengan keupayaan melaksanakan tanggungjawab mendidik secara berkesan. Sebagai bakal guru bahasa Melayu kelak, para pelajar haruslah mempersiapkan diri dengan keupayaan pemikiran di samping nilai dan jati diri yang tinggi terhadap bahasa Melayu (Zarina Ahmad, 2009). Dalam dunia moden pada hari ini yang penuh dengan cabaran, bahasa Melayu turut menerima kesan langsung terutamanya dengan adanya kemasukan KPI. Pihak yang sepatutnya berkuasa mengawal kebanjiran KPI perlu disokong oleh golongan guru bahasa Melayu supaya bahasa Melayu di Malaysia terus dijunjung dan dimartabatkan sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

1.3 Pernyataan Masalah

Penelitian dari sudut sosiolinguistik terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kata pinjaman bukanlah perkara yang baru, khususnya dalam era sains dan teknologi masa kini. Arus globalisasi telah menyebabkan banyak kosa kata Melayu baku tidak lagi digunakan dan beransur hilang kerana sifat bahasa Melayu yang mudah menerima penyerapan kata asing. Kerancakan menerima penyerapan kata asing dalam bahasa Melayu menjadikan masyarakat senang dan mudah memahami istilah, konsep dan idea baharu. Masalah dan isu yang berkaitan dengan kata pinjaman dibincangkan dengan lebih lanjut.

1.3.1 Penerimaan sebutan baku dalam kalangan pelajar

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dalam sektor pendidikan dan merupakan antara tonggak utama dalam pembangunan negara. Dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan mempunyai pelbagai dialek yang digunakan untuk berhubung, isu sebutan baku turut menjadi polemik yang berpanjangan dalam konteks pendidikan negara. Menurut Dohimbang (2011), dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang dijadikan responden, menunjukkan bahawa aspek sebutan dalam bahasa Melayu tidak menjadi perkara penting dalam proses menimba ilmu pengetahuan. Pelajar bebas memilih untuk menggunakan sebutan baku atau sebaliknya di sekolah. Selain itu, hasil kajian beliau turut mendapati bahawa kesan pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah menjadi antara punca menularnya penyerapan KPI secara tidak terkawal yang memberi imej buruk terhadap martabat bahasa rasmi negara.

Selain itu, kewujudan pelbagai dialek di negara ini juga turut memberi kesan secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Faridah Nazir (2003), telah menjalankan kajian terhadap sekumpulan pelajar sekolah menengah di negeri Pulau Pinang mendapati bahawa kecenderungan menggunakan dialek dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kelas begitu ketara dan menyebabkan penggunaan sebutan baku dipinggirkan. Beliau mengaitkan keadaan yang berlaku disebabkan taraf sosioekonomi keluarga pelajar yang kebanyakannya dalam kalangan berpendapatan rendah dan kurang pendidikan.

Bagi Siti Saniah Abu Bakar (2013), yang menjalankan kajian tentang kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar asing di institut pengajian tinggi awam menunjukkan bahawa aspek sebutan baku dapat diterima walaupun

terdapat gangguan untuk menyebutnya secara jelas di peringkat awal. Kecenderungan menyebut kata pinjaman secara pengaruh asing turut dikenal pasti daripada data yang diperolehi.

Di samping itu, penerimaan sebutan baku dalam kalangan pelajar orang asli turut menunjukkan adanya gangguan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian oleh Nazirah Mohd Nordin (2010), terhadap sekumpulan pelajar orang asli di daerah Hulu Langat, Selangor mendapati sikap yang positif terhadap kepentingan ilmu pengetahuan telah meningkat dengan ketara. Namun aspek kemahiran bertutur dengan tepat dan jelas masih di tahap yang rendah. Percampuran antara bahasa ibunda dengan bahasa Melayu baku dikesan dalam sesi pengajaran bahasa Melayu di sekolah.

Namun begitu, keadaan sebaliknya berlaku dalam kalangan pelajar orang asli yang tinggal di pinggir bandar Kuala Lumpur. Hal ini dinyatakan oleh Abdul Rahim Abu (2014), yang mendapati daripada hasil kajiannya menunjukkan bahawa aspek sebutan baku bahasa Melayu dapat diterima dan diamalkan dalam pengajaran di sekolah. Keadaan ini telah membantu untuk penguasaan bahasa Melayu yang baik dan meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

1.3.2 Penerimaan kata pinjaman Inggeris

Para pelajar masa kini telah terdedah dengan era sains dan teknologi yang berteraskan bahasa Inggeris sebagai medium penyampai utama. Situasi ini berlaku di dalam negara dan juga di luar negara. Noorul Khairien dan Hasnah (2013), mendapati bahawa pendedahan yang melampau terhadap kata pinjaman Inggeris telah menyebabkan kata-kata Melayu asli sedia ada dipinggir dan dilupakan oleh pelajar. Didapati pelajar gagal untuk menyatakan sesuatu padanan dalam kata Melayu asli berdasarkan senarai kata pinjaman

yang dibincangkan dalam kajian. Kekhawatiran ditimbulkan iaitu akan para pelajar akan terus melupakan kosa kata Melayu asli sedia ada ini dan tidak lagi digunakan oleh generasi akan datang.

Di samping itu, Zarina Ahmad (2009), yang menjalankan kajian terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan siswa guru mendapati bahawa aspek kata pinjaman turut diberi keutamaan dalam ketrampilan berkomunikasi. Responden bersetuju dan menyatakan bahawa kata pinjaman Inggeris yang digunakan dalam komunikasi dapat meningkatkan kemahiran bertutur. Beliau mendapati juga bahawa kecenderungan untuk memilih kata pinjaman berbanding kata Melayu sedia ada amat ketara dan kesannya negatif adalah pelajar gagal untuk menguasai kosa kata Melayu yang menyebabkan nilai-nilai estetika dalam komunikasi di tahap yang rendah.

Isu kata pinjaman Inggeris dalam kalangan pelajar India di sekolah telah dikaji oleh Suthanthiradevi (2004). Hasil kajian mendapati bahawa penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar India masih di tahap rendah. Masalah utama dalam kalangan pelajar India adalah kurangnya menguasai perbendaharaan kata bahasa Melayu termasuklah kata pinjaman Inggeris. Merojakkan bahasa dengan mencampurkan bahasa Melayu dengan bahasa Tamil dalam pengajaran dan pembelajaran telah menyebabkan tahap prestasi bahasa Melayu di tahap rendah.

Seterusnya, bagi Zaitul Azma (2002), dari sudut kemahiran bertutur kanak-kanak, penguasaan kosa kata merupakan perkara yang perlu diutamakan dalam konteks perhubungan. Antara hasil kajian beliau adalah bahawa kanak-kanak seawal peringkat pra sekolah telah mula menggunakan kata pinjaman Inggeris dalam pertuturan tanpa mereka menyedarinya secara khusus. Kecenderungan mencampurkan kata pinjaman Inggeris didapati telah

berlakunya gejala campur kod atau rojak dan kesannya menjadikan komunikasi tidak jelas dan sukar difahami.

1.3.3 Faktor pemilihan kata dalam bahasa Melayu

Bahasa Melayu kian dipinggirkan dalam masyarakat moden hari ini kerana tidak diberikan keutamaan pada tempat dan haknya yang wajar. Menurut Awang Sariyan, (2005), keadaan yang berlaku ini berkait rapat dengan gejala bahasa rojak dan kata pinjaman. Pada masa sekarang, bahasa Melayu telah menerima sekian banyak istilah dan kata daripada bahasa Barat, terutamanya daripada bahasa Inggeris. Menurutnya, tidak ada salahnya kita mengambil kata daripada bahasa asing untuk tujuan memperkaya ilmu, kebudayaan dan pemikiran bangsa, namun, pengaruh bahasa asing itu tentulah perlu diserap secara sistematik dan sedapatnya ditapis melalui sistem bahasa Melayu.

Mutakhir ini, penyerapan kata pinjaman tanpa kawalan telah menimbulkan gejala yang melemahkan bahasa Melayu (Awang Sariyan, 2005). Hal ini demikian kerana dari sudut sosiolinguistik, pengguna sesebuah bahasa memiliki kecenderungan untuk memilih bentuk bahasa yang digemari untuk diamalkan. Beliau menegaskan bahawa, bahasa Melayu menjadi bahasa rojak setelah bunyi sebutan pengaruh Inggeris digunakan secara berleluasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu dan gejala ini menunjukkan bahasa Melayu itu lemah dan dipandang rendah. Walaupun pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menetapkan garis panduan yang jelas untuk menyelesaikan hal-hal berkaitan dengan sebutan dalam bahasa Melayu, kecenderungan untuk menerima apa jua yang disarankan oleh pihak DBP tidak semestinya dapat diterima bulat-bulat oleh para penutur bahasa Melayu pada masa ini (Halimah Ahmad & Asmah Haji Omar, 2006). Hal ini dikatakan demikian kerana pada akhirnya, para penggunalah sebenarnya yang akan menentukan bentuk kosa kata yang ingin digunakan oleh mereka. Pengkaji turut merujuk kenyataan

yang dikemukakan oleh Teo Kok Seong (2014), berikutan pengaruh sikap masyarakat yang lebih gemar menggunakan kata pinjaman sedangkan dalam bahasa Melayu sendiri telah ada perkataan-perkataan yang telah sedia wujud sejak dahulu lagi seperti yang berikut:

“Kita seharusnya menggunakan bahasa Melayu yang sebenarnya meskipun berlaku peredaran zaman. Penggunaan sesuatu perkataan bahasa Inggeris dibenarkan sekiranya perkataan bahasa Inggeris itu tiada dalam bahasa Melayu.”

Teo Kok Seong (2014)

Menurut Teo Kok Seong (2014) lagi, pada peringkat awal kemasukan kata pinjaman, kemasukannya hanyalah bertujuan untuk mengisi jurang perkataan-perkataan yang wujud terutamanya dalam bidang sains dan teknologi yang tiada kata padanan dalam bahasa Melayu. Keadaan ini telah berubah apabila wujudnya kecenderungan pihak-pihak tertentu yang lebih berminat untuk menggunakan perkataan-perkataan bahasa Inggeris yang dimelayukan. Golongan ini bertindak dengan menyerap perkataan-perkataan bahasa Inggeris untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada perkataan-perkataan bahasa Melayu sedangkan telah sedia wujud padanan perkataan-perkataan Melayu baku yang sesuai tanpa ada kekurangan pun. Sebagai contoh, tinjauan awal mendapati pihak akhbar *Utusan Malaysia* didapati lebih cenderung untuk menggunakan perkataan-perkataan seperti *xplorasi*, *hits*, *xplorer*, *kareer*, *xtive*, *mode*, *sukses*, *produk*, *bisnes*, *elegan*, *suspek*, *panel*, *verifikasi*, dan banyak lagi (Korpus DBP, 2005).

Ungku Abdul Aziz (2009; 2014), menyatakan bahawa kerakusan menyerap KPI ini berlaku tanpa kawalan telah mewujudkan bahasa rojak iaitu, bahasa Melayu bercampur dengan bahasa Inggeris sepenuhnya yang disebabkan oleh pengaruh bidang teknologi maklumat pada masa ini. Hal ini turut diakui oleh Rosna Awang Hashim (2014), dan beliau menyatakan bahawa masalah

pengaruh bahasa Inggeris membawa kepada penggunaan bahasa rojak yang memberikan gambaran buruk kepada jati diri bahasa Melayu dan merendahkan martabat bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa rasmi negara. Kenyataan ini turut disokong oleh Nik Safiah Karim (2014, yang berpendapat bahawa mentaliti negatif masyarakat moden beranggapan bahawa penggunaan bahasa rojak adalah sebagai lambang status dan tahap kepandaian seseorang individu.

Selanjutnya, identiti dan jati diri rakyat akan menjadi lemah ekoran kecenderungan untuk menggunakan kosa kata bahasa Inggeris dalam perbualan terutamanya dalam konteks situasi rasmi (Teo Kok Seong, 2014). Kegagalan menggunakan bahasa Melayu dengan baik menunjukkan bahawa seseorang individu itu tidak menghormati keluhuran Perlembagaan Persekutuan yang di dalamnya terkandung Perkara 152 yang merujuk kepada Akta Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan (Awang Sariyan, 2012). Pengkaji memetik pendapat yang pernah disuarakan oleh mantan Menteri Penerangan, iaitu Yang Berbahagia Dr. Rais Yatim (1998). Beliau menyatakan bahawa kebanjiran KPI ini memberikan kesan yang buruk kepada bahasa Melayu memandangkan ia telah menggagalkan usaha pembakuan bahasa Melayu dan seterusnya merendahkan martabat bahasa Melayu itu sendiri.

Keupayaan bahasa Melayu berada pada tahap yang begitu rendah selepas menyerap terlalu banyak kosa kata bahasa Inggeris yang jelas menunjukkan bahawa seolah-olah hanya bahasa Inggeris yang berupaya menyampaikan ilmu pengetahuan (Sidek Baba, 2012). Masalah yang dihadapi oleh bahasa Melayu pada masa ini ternyata menunjukkan bahawa berlakunya pengabaian terhadap bahasa kebangsaan dalam masyarakat (Shahidan Kassim, 2014). Oleh itu, bahasa Melayu yang bercelaru ini pastinya akan gagal untuk menjadi wahana perpaduan di Malaysia (Lim Swee Tin, 2010). Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu tidak sepatutnya dibiarkan menjadi bahasa rojak akibat pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang boleh menjejaskan

kebakumannya. Kebakuan dalam perhubungan, percakapan, dan pengkaryaan amat penting untuk diperkukuh supaya bahasa Melayu mampu tampil sebagai bahasa ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

Muhyiddin Yassin (2014), menyatakan bahawa bahasa Melayu akan mati sekiranya pengaruh bahasa Inggeris lebih diutamakan oleh masyarakat Malaysia terutamanya dalam bidang pendidikan. Sesebuah bahasa itu akan mati sekiranya tiada lagi penutur yang menggunakannya. Oleh itu, kita perlu sedar bahawa bahasa Melayu telah diperkotak-katikkan oleh bahasa Inggeris sehingga melunturkan jati diri masyarakat lantaran pengaruhnya yang begitu kuat sebagai bahasa dunia (Rais Yatim, 2014). Menurut Latif Bakar (2014), asakan pengaruh bahasa Inggeris telah menyebabkan hilangnya keyakinan masyarakat terhadap peranan atau fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Rentetan daripada masalah itu juga, Teo Kok Seong (2014) telah menyuarakan kebimbangannya memandangkan terdapat laporan yang menunjukkan bahawa seramai 604 orang pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh pelosok negara Malaysia tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu walaupun selepas melalui tempoh pendidikan kebangsaan selama 11 tahun. Apa yang pasti, keadaan ini didapati amat berkait rapat dengan keupayaan guru-guru bahasa Melayu yang boleh dipertikaikan secara khususnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara amnya.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan tentang masalah sebutan baku, penerimaan kata pinjaman dalam bahasa Melayu dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kata dari pelbagai sudut menunjukkan bahawa isu kata pinjaman Inggeris perlu diteliti lagi dengan lebih mendalam menggunakan kerangka fikir yang lebih luas iaitu sosiolinguistik. Walaupun tidak mampu untuk menyelesaikan segala masalah yang ada, namun sedikit sebanyak diharapkan kajian ini dapat menyumbang nilai-nilai keilmuan untuk dikongsi bersama. Kata pinjaman merupakan subjek yang sarat dengan persoalan dan

kerumitan permasalahan yang mendasarinya. Oleh yang demikian, permasalahan yang wujud dalam kajian ini telah mendorong agar pengkajian aspek-aspek persepsi dan sikap bahasa yang sering dilakukan oleh pengguna pada hari ini dapat diteruskan. Pemerhatian di persekitaran melibatkan persepsi bahasa masyarakat Malaysia ini khusus tentang kosa kata bahasa Inggeris, didapati semakin ketara lantaran rempuhan era globalisasi dan kesungguhan meletakkan bahasa Melayu untuk menjadi sebuah bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa budaya tinggi (Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Harishon Radzi, 2011). Walaupun isu penyerapan KPI ini telah lama wujud tetapi ahli-ahli bahasa sebenarnya masih membincangkannya dari pelbagai sudut ilmu pengetahuan kerana sifat ilmu pengetahuan itu tidaklah monolitik, iaitu bahasa bukan hanya mempunyai satu arah pemikiran semata-mata (Asmah Haji Omar, 2011).

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan perkara yang amat penting dalam sesebuah kajian memandangkan ia boleh menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah kajian itu sendiri. Persoalan kajian untuk sesebuah kajian itu juga mestilah jelas, konkrit, dan berfokus. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan beberapa persoalan untuk kajian ini seperti yang berikut:

- i. bagaimanakah tahap penerimaan pelajar terhadap keberadaan kata pinjaman Inggeris dalam bahasa Melayu?
- ii. adakah pandangan pelajar ditahap cemerlang, baik, atau memuaskan terhadap dominasi kata pinjaman Inggeris?
- II. apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan dan penggunaan kata pinjaman Inggeris dalam kalangan pelajar?

1.5 Objektif Kajian

Tidak dapat dinafikan bahawa sehingga kini telah banyak kajian tentang kata pinjaman dari pelbagai sudut. Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian pengkaji, kajian-kajian yang telah dilakukan tertumpu dalam bidang tatabahasa, pemerolehan bahasa, dan pembangunan bahasa. Justeru itu, sebagai lanjutan daripada kajian terdahulu, kata pinjaman Inggeris dalam kajian ini dikaji dari sudut sosiolinguistik yang melibatkan aspek penerimaan dan tanggapan pengguna bahasa Melayu. Kajian persepsi ini dilakukan bertujuan untuk merungkai persoalan berkaitan dengan fenomena KPI yang diserap ke dalam bahasa Melayu berdasarkan objektif-objektif yang berikut:

- i. menganalisis tahap penerimaan pelajar terhadap sebutan baku bagi kata pinjaman Inggeris,
- ii. menganalisis tahap penerimaan pelajar terhadap kosa kata pinjaman Inggeris, dan
- II. menghubungkan tahap penerimaan pelajar terhadap kosa kata pinjaman Inggeris dengan faktor sikap bahasa berdasarkan Teori Sikap Bahasa Fishman dan R. Agheyisi.

1.6 Batasan Kajian

Kajian dibataskan kepada aspek persepsi pelajar terhadap kata pinjaman Inggeris dalam bahasa Melayu. Dalam konteks kajian ini, KPI merujuk kepada kosa kata yang berasal daripada bahasa Inggeris sahaja. Berdasarkan penelitian bahawa bahasa Inggeris merupakan penyumbang terbesar dalam aspek penyerapan KPI dalam bahasa Melayu yang meliputi pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan juga kosa kata umum. Kajian ini meliputi persepsi para

pelajar terhadap KPI yang mempunyai padanan kosa kata Melayu baku yang diambil menerusi akhbar berbahasa Melayu di Malaysia.

Walaupun umumnya telah mengetahui bahawa dasar sebutan baku telah dimansuhkan oleh kerajaan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2000, kajian tentang sebutan baku ini masih signifikan kerana melibatkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Oleh itu kajian ini memfokuskan tentang amalan sebutan baku dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sahaja.

Penelitian dalam kajian ini dibatasi pada kajian persepsi pelajar IPG terhadap KPI dalam bahasa Melayu. Persepsi bahasa yang dimaksudkan dalam penelitian ini adalah perasaan dan pandangan pelajar, apakah mereka merasa senang atau sebaliknya dan juga tahap penerimaan terhadap KPI dalam bahasa Melayu.

Kajian ini terbatas kepada para pelajar Semester 7 di IPGKRM yang terletak di daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Pelajar mengambil jurusan bahasa Melayu yang meliputi pelajar laki-laki dan perempuan. Bilangan peserta kajian untuk kajian ini adalah seramai 21 orang yang terdiri daripada sembilan orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan. Dari segi bangsa, peserta kajian untuk kajian ini terdiri daripada 21 orang pelajar berbangsa Melayu sahaja. Kesemua peserta kajian yang terlibat berumur 21 tahun. Sampel kajian menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam konteks perbualan seharian dan sampel kajian merupakan bakal guru yang akan ditempatkan di seluruh negara selepas menamatkan pengajian. Akhirnya, sampel kajian merupakan golongan yang diharapkan akan memartabatkan bahasa Melayu melalui profesion perguruan selepas berada dalam bidang pekerjaan.

Berdasarkan keperluan kajian kualitatif, KPI ini diambil daripada subkorpus akhbar yang terkandung di dalam pangkalan data korpus DBP dalam tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2010. Sebanyak 210 KPI dipilih berdasarkan kekerapan penggunaan yang tinggi dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Kajian ini juga terbatas kepada aspek-aspek yang mempengaruhi para pelajar untuk memilih KPI dalam konteks perbualan dan penulisan sama ada dalam konteks situasi rasmi mahupun tidak rasmi. Kajian ini dihuraikan menggunakan Teori Sikap Bahasa, iaitu teori yang dipelopori dan dibangunkan oleh Joshua A. Fishman dan Rebecca Agheyisi (1907). Ruang lingkup kajian untuk kajian ini hanya tertumpu kepada persepsi dan sikap para pelajar yang melibatkan tanggapan-tanggapan terhadap KPI yang menunjukkan persepsi mereka sama ada di tahap cemerlang, baik, atau memuaskan. Akhir sekali, rumusan kajian akan melibatkan faktor-faktor yang mempengaruhi para pelajar untuk menggunakan KPI.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan gambaran perihal persepsi para pelajar terhadap KPI yang digunakan dalam bahasa Melayu sama ada positif, negatif mahupun neutral berdasarkan tiga komponen sikap, iaitu kognitif, afektif, dan konatif. Dapatan kajian daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada bidang linguistik Melayu, IPGM, KPM, masyarakat, dan para pelajar.

1.7.1 Bidang Linguistik Melayu

